



## **<sup>1015</sup> TOKOH AL-QURAN: SYEIKH MUHAMMAD MUTAWALLI AL-SYA'RAWI DAN SUMBANGANNYA**

Mohamad Redha Bin Mohamad  
*mohamadredha@kuis.edu.my*  
Muhammad Zaid Bin Shamshul Kamar  
*muhhammadzaid@kuis.edu.my*  
'Uqbah bin Amer  
*uqbah@kuis.edu.my*

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

*Al-Quran merupakan sebuah kitab suci umat Islam yang sentiasa dibaca, diamalkan dan dijadikan rujukan. Antara ilmu al-Quran yang dipelajari adalah ilmu qiraat, ilmu tafsir, ilmu tajwid, asbab an-nuzul dan sebagainya. Setiap bidang keilmuan pasti akan melahirkan tokoh-tokoh yang hebat pada setiap zaman. Begitu juga bidang al-Quran, turut melahirkan tokoh-tokoh yang terkemuka dalam lapangan ilmu-ilmunya. Justeru itu, kertas kerja ini membincangkan seorang tokoh al-Quran yang masyhur iaitu Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. Beliau merupakan seorang cendekiawan Islam prolific yang banyak membahaskan mengenai isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dan memegang jawatan-jawatan penting sepanjang kehidupan beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat. Antara karya beliau yang agung dan menjadi rujukan adalah kitab Tafsir al-Sya'rawi. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada sumbangan-sumbangan yang ditaburkan sepanjang kehidupan beliau. Permasalahan kajian ini adalah kerana masih ramai penuntut-penuntut ilmu al-Quran yang tidak mengenali beliau. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi memberi impak dan sumbangan yang besar kepada umat Islam dari sudut keilmuan. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam aspek kajian terhadap tokoh-tokoh al-Quran.*

*Kata kunci: Tokoh, al-Sya'rawi, al-Quran, Tafsir*

### **1.0 Pendahuluan**

Konsep ulama boleh diertikan dengan pelbagai definisi yang berlandaskan latar belakang kesarjanaan atau disiplin ilmu masing-masing. Perkataan ulama adalah kata jamak dari perkataan Arab iaitu 'Alim yang bermaksud "yang tahu" atau "yang mempunyai pengetahuan" (Ba'albaki, 1995). Menurut Shukri Ahmad (2000), ulama adalah orang-orang yang memiliki pengetahuan serta pendidikan tinggi dalam ilmu agama *'ilm manqul*, atau ilmu kealaman yang bersumberkan al-Quran dan boleh menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil, berasaskan pengetahuan dan *thabit*.

Shukri Ahmad (2000) menyatakan, dalam al-Quran hanya terdapat dua kali sahaja perkataan ulama itu digunakan iaitu di dalam surah Fathir ayat 28 dan surah asy-Syu'ara'



ayat 197. Kedua-duanya merujuk kepada yang mendalami pengetahuan agama. Imam at-Tabari menafsirkan maksud ulama dalam surah Fathir dengan menyebutkan mereka sebagai golongan yang mengenali Allah dengan sebenar-benarnya menerusi ilmu yang sempurna yang membolehkan mereka membesarkan dan mengagungkan Allah s.w.t.

Setiap bidang keilmuan pasti akan melahirkan tokoh-tokoh atau ulama-ulama yang hebat pada setiap zaman. Begitu juga bidang al-Quran, turut melahirkan ulama-ulama yang terkemuka dalam lapangan ilmu-ilmunya. Justeru itu, kertas kerja ini membincangkan seorang ulama al-Quran yang masyhur iaitu Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. Beliau merupakan seorang cendekiawan Islam prolific yang banyak membahaskan mengenai isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dan memegang jawatan-jawatan penting sepanjang kehidupan beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat.

## 2.0 Latar Belakang

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi dilahirkan pada hari ahad bersamaan 17 Rabiulakhir 1329H/1911M di desa Daqadus, salah satu kota kecil yang terletak tidak jauh dari kota Mayyit Ghamr, Mesir (Hikmatiar Pasya, 2017). Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Mutawalli al-Sya'rawi Husaini yang nasab keturunan bapanya sampai kepada Husain bin Ali r.a. Beliau dibesarkan dalam kalangan keluarga petani namun kedua orang tuanya terkenal sebagai orang yang soleh dan mulia. Syeikh al-Sya'rawi menggambarkan kampungnya yang begitu indah dengan pemandangan, subur dengan tanaman hijau-hijauan di perlembahan Sungai Nil. Sejak kecil beliau selalu dipanggil oleh kedua orang tuanya dengan gelaran "Syeikh al-Amin" (yang amanah). Beliau juga digelar sebagai 'Lampu Kebenaran'. Beliau merupakan seorang yang pakar dalam bahasa Arab dan mufassir kontemporari yang masyhur (Achmad, 2013).

Beliau telah berkahwin ketika masih bersekolah kerana keinginan orang tuanya yang telah memilih pasangan untuknya, dan Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi bersetuju dengan pilihan orang tuanya kerana beliau percaya itu adalah pilihan yang baik dan tidak akan mengecewakan kehidupannya. Kemudian, beliau telah mempunyai tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Anak lelakinya bernama; Sami, Abdul Rahman dan Ahmad dan anak perempuannya pula bernama Fatimah dan Solehah (Selamat Amir, 2016).

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi wafat pada 17 Jun 1998M ketika berumur 87 tahun. Sebelum beliau meninggal dunia, beliau mengalami kesakitan pada dadanya yang parah menyebabkan beliau tidak mampu untuk bernafas dengan baik dan sakit tulang. Anak saudaranya yang bernama Hajah Suad menyatakan bahawa sewaktu hampir saat kematian, beliau cuba untuk bangun dan berteriak dengan suara yang jelas sehingga didengari oleh orang yang berada di sekelilingnya, "Selamat datang wahai Husain! Anda telah datang berjumpa aku sendiri, aku gembira dengan kedatanganmu". Kemudian, beliau melafazkan ucapan 'Hamdallah' lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Jenazah beliau telah dikebumikan di kampungnya iaitu Daqadus. Jenazahnya telah dibawa oleh anak-anak muridnya, penduduk kampung serta semua pencinta beliau.



### 3.0 Perjalanan Pendidikan

Syeikh al-Sya'rawi tamat menghafaz al-Quran ketika berusia 11 tahun di bawah bimbingan gurunya Abdul Majid Pasha (Riesti Yuni Mentari, 2011). Pada tahun 1916M, beliau telah memasuki Sekolah Rendah Zaqaziq dan berjaya memperolehi Sijil Sekolah Rendah pada tahun 1923 M dan kemudiannya memasuki sekolah peringkat menengah. Beliau terkenal dengan seorang yang sukakan syair dan kesusasteraan Arab sehingga rakan-rakannya melantik beliau menjadi Ketua Persatuan Pelajar dan Ketua Persatuan Kesusasteraan di daerah Zaqaziq (Riesti Yuni Mentari, 2011).

Terdapat peristiwa yang merubah hidupnya untuk mendalami ilmu dan membaca buku-buku yang muktabar. Ibu bapanya telah membeli sejumlah buku-buku sebagaimana yang disyaratkan oleh al-Sya'rawi sekiranya ingin beliau menyambung pendidikan di al-Azhar. Beliau telah memasuki Kolej Agama Zaqaziq pada tahun 1930an dan mendapat sijil agama dengan anugerah cemerlang pada tahun 1936 (Selamat Amir, 2016).

Beliau telah memasuki Kuliah Bahasa Arab pada tahun 1937M dan aktif dalam persatuan pelajar di Universiti al-Azhar. Beliau menjadi graduan pada tahun 1941M dengan keputusan yang cemerlang. Kemudian pada tahun 1943, beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah sekaligus menjadi tenaga pengajar pada ketika itu (Selamat Amir, 2016). Kecintaan beliau terhadap ilmu telah menonjolkan beliau sebagai seorang yang pakar dan alim bukan sahaja dalam pengajian ilmu *turath* malah turut terkehadapan dalam elemen saintifik semasa.

### 4.0 Guru-Guru Al-Sya'rawi

Setiap ulama yang hebat pasti bermula dari hasil didikan guru yang hebat. Kebanyakan guru-guru beliau adalah merupakan ulama dan tenaga pengajar Universiti al-Azhar ketika beliau menuntut ilmu di sana. Antara guru-guru al-Sya'rawi adalah seperti berikut:

- i. Syeikh Ibrahim Hamrush
- ii. Syeikh Ahmad Ammarah (falsafah)
- iii. Syeikh Ahmad Sa'ud (tasawuf)
- iv. Syeikh Mustafa al-Sawi
- v. Syeikh Ahmad Makki
- vi. Syeikh Abdul Ghani Ali Hasan
- vii. Syeikh Amir Surur
- viii. Syeikh Muhammad Gharrabah
- ix. Syeikh Nur al-Husin
- x. Syeikh Jad Soleh

### 5.0 Anak Murid Al-Sya'rawi



Ulama yang hebat pasti akan melahirkan anak-anak murid yang hebat. Beliau telah diberi jolokan sebagai ‘da’i sejuta umat’ kerana sangat masyhur bukan sahaja di Mesir malah di seluruh pelosok dunia (Selamat Amir, 2016). Beliau mempunyai anak murid yang ramai dan di antaranya yang masyhur adalah:

- i. Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi
- ii. Syeikh Hassan al-Shanawi

## 6.0 Karya-Karya Terkenal

Syeikh Mutawalli al-Sya’rawi mempunyai banyak karya-karya yang masyhur. Beliau bukan sahaja berdakwah melalui lisan, malah telah mengarang pelbagai karya dari pelbagai bidang dan dijadikan rujukan oleh masyarakat. Karya-karya beliau telah menyumbang manfaat yang besar sehingga ke hari ini. Antara bidang yang ditulis oleh beliau adalah tafsir, hadis, akidah, fiqh, akhlak, pendidikan, kebudayaan Islam, penyucian jiwa, kisah al-Quran, sejarah, pemikiran semasa, hari kiamat dan lain-lain (Selamat Amir, 2016). Karyanya yang paling terkenal adalah *Tafsir Al-Sya’rawi*. Ceramah-ceramah beliau yang dicetak dalam bentuk buku mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan umat Islam. Hasil penjualan buku-buku beliau ini disumbangkan untuk kegiatan-kegiatan sosial (Riesti Yuni Mentari, 2011). Antara karyanya yang lain adalah:

- i. Al-Isra’ wa al-Mi’raj (Israk dan Mikraj)
- ii. Al-Islam wa al-Fikr al-Mu’asir (Islam dan Pemikiran Semasa)
- iii. Al-Islam wa al-Mar’ah (Islam dan Wanita)
- iv. At-Tariq ila Allah (Jalan Menuju Allah)
- v. Al-Fatawa (Fatwa-Fatwa)
- vi. Mu’jizat al-Qur’an (Mukjizat al-Quran)
- vii. Min Fayd al-Rahman (Dalam Limpahan al-Rahman)
- viii. Al-Qada’ wa al-Qadar (Qada’ dan Qadar)
- ix. As-Solat wa Arkan al-Islam (Solat dan Rukun-Rukun Islam)
- x. Nazarat fi al-Quran (Pandangan-Pandangan al-Quran)
- xi. Hadha Huwa al-Islam (Inilah Islam)
- xii. Al-Hayat wa al-Maut (Kehidupan dan Kematian)
- xiii. At-Taubat (Taubat)
- xiv. Az-Zalim wa az-Zalimun (Kezaliman dan Orang-Orang yang Zalim)
- xv. Sirah an-Nabawiyah (Sejarah Nabi Muhammad s.a.w.)

### 6.1 Gambaran Umum Tafsir Al-Sya’rawi

Tafsir ini pertama kali diterbitkan oleh majalah *al-Liwa’ al-Islami*, Kairo bermula pada tahun 1986-1989 M, yang bercorak tarbawi (pendidikan) dan islahi (pembaikan). Sejak awal, kitab ini tidak pernah dinamakan dengan “kitab tafsir” akan tetapi beliau memberi judul “*Khawathir al-Sya’rawi*” yang bermaksud Renungan-renungan al-Sya’rawi (Riesti Yuni Mentari, 2011).



Asy-Sya'rawi menamakan kitabnya dengan *Khawathir asy-Sya'rawi* dengan bertujuan untuk menjelaskan isi ayat-ayat al-Quran yang telah beliau fahami kepada orang lain. Beliau menggunakan istilah *khawathir* kerana menurutnya, apa yang difahami berkemungkinan benar atau salah. Dikatakan kitab ini terdiri dari 29 jilid (Achmad, 2013).

Kitab ini pada mulanya bukan sengaja disusun sebagai sebuah karya kitab tafsir yang dibukukan sebagaimana kitab tafsir al-Quran yang lain, melainkan hanyalah sebuah dokumentasi yang ditulis dari sebuah rakaman ceramah yang disampaikan oleh Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi selama 16 tahun. Sebelum menjadi sebuah kitab tafsir, ceramah-ceramah tersebut terlebih dahulu didokumentasikan di dalam sebuah majalah berjudul *al-Liwa' al-Islami*.

Kitab ini merupakan karya hasil kerjasama oleh murid al-Sya'rawi iaitu Muhammad as-Sinrawi dan Abd al-Waris ad-Dusuqi dari kumpulan ceramah-ceramah yang disampaikan oleh al-Sya'rawi (Selamat Amir, 2016). Sementara itu, hadith-hadith yang terdapat dalam kitab tafsir al-Sya'rawi ditakhrij oleh Prof. Dr. Ahmad Umar Hasyim yang merupakan timbalan rektor Universiti al-Azhar pada ketika itu. Kitab ini diterbitkan oleh *Akhbar al-Yaum Idarah al-Kutub wa al-Maktabah* pada tahun 1991 (tujuh tahun sebelum al-Sya'rawi meninggal dunia). Tafsir ini termasuk dalam kategori tafsir *bi al-lisan* atau tafsir *shauti* (hasil pidato atau ceramah yang dibukukan). Dalam penafsirannya, al-Sya'rawi cenderung menggunakan kaedah tafsir *bi al-ra'yi* (Hikmatiar Pasya, 2017).

## 7.0 Jawatan Yang Pernah Disandang

Al-Sya'rawi pernah menjadi Ketua Persatuan Kesusasteraan di daerah Zaqaziq. Apabila tamat graduan, beliau bertugas sebagai guru agama di Maahad Tanta al-Azhari, kemudian berpindah ke Maahad al-Iskandariah al-Azhari dan kemudian ke Maahad Zaqaziq di Mesir (Selamat Amir, 2016). Pada tahun 1950, beliau menjadi pensyarah syariah di Universiti Ummul Qura, Mekah. Kemudian setelah hampir setahun, beliau dihantar ke Universiti al-Malik Abdul Aziz untuk berkhidmat sebagai pensyarah dalam bidang tafsir dan hadis sehingga tahun 1960..

Pada awal 1960-an, berlaku krisis antara Gamal Abdul Nasir iaitu Presiden Mesir dengan Raja Saudi, maka Gamal Abdul Nasir telah melarang beliau untuk ke Arab Saudi dan melantik beliau menjadi Pengarah di Pejabat Syeikh al-Azhar, Syeikh Hassan Makmun. Kemudian, beliau bertugas di Algeria sebagai wakil al-Azhar dan menetap di sana selama tujuh tahun.

Apabila beliau pulang ke Mesir, beliau dilantik menjadi Pengarah Kementerian Wakaf, Negeri Gharbiyyah kemudian menjadi wakil bahagian Dakwah dan Pemikiran dan kemudian menjadi wakil al-Azhar. Selepas itu, beliau pergi ke Arab Saudi untuk mengajar di Universiti Raja Abdul Aziz. Pada November 1976, Sayyid Mamduh Salim menjadi Perdana Menteri Mesir dan melantik beliau menjadi Menteri Wakaf dan Pentadbiran Al-Azhar. Beliau menjadi menteri sehingga tahun 1978 selama dua tahun. Beliau memegang jawatan ini bukan kerana kepentingan dunia dan dikenali sebagai seorang menteri yang mudah berinteraksi dan bertanggungjawab.



Pada tahun 1980, beliau dilantik menjadi anggota Majma' al-Buhuth al-Islamiah (badan Penyelidikan Islam) di al-Azhar. Pada tahun 1980 juga, al-Sya'rawi telah diangkat menjadi ahli dewan Majlis Syura Mesir atas faktor keterlibatannya dalam pelbagai bidang. Pada tahun 1983 dan 1988, al-Sya'rawi telah mendapat gelaran doktor honoris causa pada bidang sastera dari Universiti Manshurah dan Universiti Al-Azhar Daqhalia dan banyak lagi penghargaan yang diperolehi oleh al-Sya'rawi selain dua gelaran itu. Antara anugerah lain yang beliau perolehi adalah Anugerah Tertinggi Pemerintah Mesir 1976, Anugerah Tokoh Islam Terulung Dubai 1977, Anugerah Tokoh Islam Universiti al-Azhar 1983 dan Anugerah Khas Kerajaan Mesir 1988.

## 8.0 Sumbangan

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi terkenal sebagai seorang dermawan dan membuat kebajikan. Antara sumbangan beliau ialah beliau mendirikan di kampungnya Daqadus, Maahad al-Azhar, sekolah tahfiz, masjid dan pusat kesihatan untuk orang miskin (Mohd Rumaizuddin, 2007). Selain itu, royalti buku-buku beliau didermakan untuk kebajikan (Riesti Yuni Mentari, 2011). Menurut anaknya, Ahmad bahawa bapanya telah mengagihkan daripada gajinya kepada beberapa orang penduduk yang tinggal di Kaherah, Tanta dan kampungnya. Malahan, wang yang diperolehi dari ceramah- ceramah, royalti buku dan majalah disedekahkan untuk orang ramai. Beliau pernah menafkahkan wang berjuta dolar (250 juta Pound Mesir lebih kurang 73 juta US dolar) yang dihadiahkan oleh Raja Dubai kepada pelajar-pelajar al-Azhar dan selebihnya telah didermakan kepada Kementerian Waqaf bagi diedarkan kepada penghafaz-penghafaz al-Quran.

Dari sudut sumbangan keilmuan pula, beliau telah menziarahi beberapa negara seperti Afrika, Amerika, Kanada dan Britain untuk memenuhi jemputan-jemputan sebagai penceramah, pembentang seminar serta forum antarabangsa (Selamat Amir, 2016). Seterusnya, Ahmad Bajat menyifatkan Syeikh al-Sya'rawi seorang ahli tafsir kontemporari yang dapat menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan uslub yang mudah difahami oleh orang umum. Sementara Omar Hashim, bekas Rektor al-Azhar menyifatkan beliau sebagai seorang mujaddid abad ini. Selain itu, menurut Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh al-Sya'rawi keseluruhannya hidupnya adalah untuk berkhidmat kepada agama Islam dan menyebarkan ilmu. Kematian ulama merupakan satu kehilangan besar dan musibah kepada umat kerana Allah menarik ilmu dengan mematikan para ulama. Namun demikian, kesemuanya bersetuju atas sumbangan dan khidmatnya kepada agama Islam keseluruhannya, meninggikan kalimatnya dan berdakwah kepada masyarakat dengan bahasa yang mudah dan kontemporari.

## 9.0 Pujian Ulama Terhadap Al-Sya'rawi

Menurut Prof Dr. Syeikh Yusuf al-Qaradawi, al-Sya'rawi adalah merupakan seorang ulama tafsir kontemporari yang menghabiskan seluruh usianya untuk agama Allah s.wt. Selain itu, beliau juga merupakan seorang penyair yang unggul dan mampu menghasilkan puisi-puisi yang menyentuh jiwa dan sanubari.

Di samping itu, Prof. Dr. Zaghlul an-Najjar juga mengatakan bahawa kredibiliti dan keilmuan al-Sya'rawi tidak dapat disangkal lagi terutamanya dalam aspek perbahasan al-





Quran. Kehebatan beliau terserlah apabila mampu mendatangkan hujah-hujah menerusi ayat al-Quran yang boleh diterjemahkan kedalam aspek keilmuan semasa. Oleh itu, pemergian beliau merupakan satu kehilangan yang besar bagi umat Islam seluruhnya.

Ahmad Umar Hasyim juga mengatakan bahawa karya-karya al-Sya'rawi merupakan harta kekayaan yang sangat berkualiti kerana ia mencakupi segala sudut kehidupan (Riesti Yuni Mentari, 2011). Karya beliau tidak hanya menumpukan kepada satu-satu permasalahan sahaja, tetapi turut membahas permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat sekarang.

## 10.0 Penutup

Islam mempunyai ramai tokoh dan ulama yang boleh dijadikan pedoman mukmin. Mencontohi perbuatan mereka sangat dituntut dan ganjaran mengingati dan mengikuti kisah mereka turut dijanjikan. Syair Arab menyebut: "*Hendaklah kamu mencontohi orang yang mulia walaupun kamu tidak seperti mereka, kerana mengikuti orang yang mulia itu satu kejayaan.*" Kelebihan mempelajari kisah orang soleh antaranya akan dihapuskan dosa oleh Allah s.w.t.. Seterusnya, disebutkan oleh Saidina Muadz Ibn Jabal, hadis diriwayatkan oleh Imam al-Dailami dalam Musnad al-Firdaus: "*Menyebut kisah nabi, termasuk ibadat. Menyebut kisah orang soleh, penghapus dosa. Mengingati kematian adalah sedekah dan mengingatkan kubur akan mendekatkan kamu kepada syurga*" (Mohd Faiz Othman, 2017). Mendengar kisah orang soleh boleh menghidupkan hati yang mati.

Sebagai kesimpulan, keperibadian Syeikh al-Sya'rawi membuktikan betapa beliau seorang ulama yang hebat. Keilmuan beliau terhadap al-Quran dan bidang-bidang yang lain telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat. Beliau bersungguh-sungguh berkhidmat dan berdakwah untuk umat Islam di seluruh dunia dan dikenali sebagai seorang daie yang berwawasan, santun, bijak dan tegas (Riesti Yuni Mentari, 2011). Semoga ulama-ulama seperti ini akan dilahirkan lagi di masa hadapan untuk menaikkan syiar-syiar Islam.



## 11.0 Rujukan

Ba'albaki, Rohi. *Al-Maurid*. (1995). Dar al-'Ilmu Li al-Malayin: Beirut.

At-Tabari, Abu Jaafar Muhammad Ibn Jarir. *Mukhtasar Tafsir At-Tabari*. Jil 2. Dar al-Sabuni.

Shukri Ahmad. (2000). Aplikasi Konsep 'Ulama Dan Intelektual: Satu Penilaian Kritis. *Jurnal Usuluddin*.

Hikmatiar Pasya. (2017). Studi Metodologi Tafsir Asy-Sya'rawi. *Jurnal Studi Quran*. Vol 1 No 2.

Selamat Amir. (2016). *Elemen Sainifik Dalam Al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

Riesti Yuni Mentari. (2011). *Penafsiran Al-Sya'rawi Terhadap Al-Quran Tentang Wanita Karir*. Tesis Sarjana Theologi Islam. UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Achmad. (2013). Mutawalli al-Sya'rawi Dan Metode Penafsirannya: Studi atas Surah al-Maidah ayat 27-34. *Jurnal al-Daulah*. Vol 1 No 2.

<http://www.mindamadani.my/topik/jejak-ulamak/item/173-syeikh-muhamad-mutawalli-al-sya%E2%80%9A%C3%A4%C3%B4rawi-1911-1998m-tokoh-tafsir-mesir-abad-21.html>

Mohd Rumaizuddin. 2007. Syeikh Muhamad Mutawalli al-Sya'rawi (1911-1998M): Tokoh Tafsir Mesir abad 21. Dilayari pada 11 Oktober 2019. Jam 11.45 pagi.

<https://ikimfm.my/belajar-dari-kisah-salafus-soleh/>

Mohd Faiz Othman. 2017. Belajar Dari Kisah Salafus Soleh. Dilayari pada 11 Oktober 2019. Jam 12.07 tengahari.